

Malaysia sedia bantu Yemen

BH 18 AUG 2001
Dalipada Kamal
Ahmad

ADEN, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia sedia membantu Yemen menerusi kerjasama dalam pelbagai bidang, khususnya perdagangan dan teknikal, bagi membangunkan negara itu.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin kedua-dua negara akan mendapat faedah melalui perhubungan dan kerjasama itu.

“Kami ke sini bukan saja untuk menjual, tetapi membeli barangan Yemen. Kami juga mahu melabur di Yemen supaya anda kaya dan membeli barangan kami,” katanya pada per-

temuan dengan ahli Dewan Perniagaan dan Industri Yemen di Hotel Aden di sini, malam tadi.

Turut Hadir, rombongan dari Malaysia yang dalam rangka lawatan bagi meninjau peluang perniagaan dan rakan kongsi di sini.

Semalam, kedua-dua negara menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) memabitkan penubuhan Suruhanjaya Malaysia-Yemen serta kerjasama dan latihan kakitangan perkhidmatan awam.

Dr Mahathir berkata, lawatan beliau ke Yemen bertujuan memperbaharui perhubungan kedua-dua negara yang pernah wujud

lebih 650 tahun lalu apabila pedagang Yemen datang ke Nusantara termasuk Malaysia untuk berniaga dan menyebarkan Islam.

Aden adalah antara bandar utama di Yemen sejak 2000 tahun lalu dan kini bandar paling moden di negara ini. Ia terletak di tengah-tengah laluan kapal di Laut Merah, Laut Arab dan Lautan Hindi.

Aden boleh dijadikan pintu masuk oleh pelabur Malaysia untuk meneroka pasaran baru di negara Teluk dan Timur Afrika.

Dr Mahathir berharap ahli perniagaan Malaysia akan menemui rakan kongsi di Yemen bagi meningkatkan perdagangan kedua-

dua negara.

“Kami juga berharap ahli perniagaan Yemen meninjau perkembangan industri maklumat (IT) di Malaysia.

“Kami akan tunjukkan apa saja kepada anda termasuk bagaimana kami berjaya menangani masalah mata wang,” katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau yakin Malaysia akan menguasai IT dan mampu bersaing dengan negara maju.

“Kami hendak menjadi negara maju. Kita tidak boleh hidup dengan pasaran hanya di kalangan rakyat sendiri tetapi perlu berdagang di pasaran dunia,” katanya.